

Perempuan Menyerupai Lelaki Dan Sebaliknya

Sebuah hadis shahih menyebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

*“Allah melaknat wanita-wanita yang menyerupai (dalam berpakaian dan bersikap) lelaki, dan juga lelaki-lelaki yang menyerupai wanita.”*¹

Dalam riwayat yang lain disebutkan:

*“Allah melaknat wanita yang kepria-priaan.”*²

Dalam satu riwayat disebutkan:

*“Allah melaknat lelaki yang kewanita-wanitaan dan wanita yang kelelaki-lakian.”*³

Maksudnya wanita yang menyerupai lelaki dalam berpakaian dan bercakap. Abu Hurairah berkata, “Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Allah melaknat perempuan yang berpakaian dengan pakaian lelaki dan lelaki yang berpakaian dengan pakaian perempuan.”*⁴

Apabila seorang perempuan memakai pakaian yang biasa dipakai oleh lelaki seperti model baju atau seluar, atau lengan yang sempit, maka dia telah menyerupai lelaki dalam hal pakaian dan dengan demikian dia berhak atas laknat dari Allah dan RasulNya. Jika perempuan itu telah bersuami, sedangkan suaminya itu mendiamkannya atau malah redha terhadapnya dan tidak melarangnya, maka suami juga terkena laknat. Ini adalah kerana salah satu kewajiban suami adalah membimbing isteri menuju ketaatan kepada Allah dan melarangnya dari perbuatan maksiat.

Allah berfirman, *“Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu.”* (At-Tahrim: 6)

Maksud ayat di atas ialah didiklah, ajarilah dan perintahkanlah mereka supaya taat kepada Allah dan laranglah mereka berbuat derhaka kepada Allah, demikian pula hal itu wajib bagi dirimu sebagai hak dirimu.

Dan ini sesuai juga dengan sabda Nabi s.a.w.

*“Setiap dari kamu adalah pemimpin dan setiap dari kamu akan diminta pertanggungjawaban atas mereka yang dipimpinnya. Seorang lelaki itu pemimpin dalam keluarganya dan akan diminta pertanggungjawaban atas mereka pada hari kiamat.”*⁵

Dalam hadis lain disebutkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, *“Ingatlah, kaum lelaki akan binasa di kala mereka mentaati wanita”.*

Al-Hasan berkata, *“Demi Allah, tidaklah seorang lelaki tunduk kepada isterinya dalam segala hal yang diinginkannya kecuali Allah ta’ala akan menelungkupkannya di dalam neraka.”*⁶

Dalam hadis lain, Nabi s.a.w. bersabda;

*“Dua jenis calon penghuni neraka yang belum aku lihat (sekarang), iaitu; orang yang mempunyai cemeti seperti ekor sapi, yang dengan cemeti itu dia memukul orang ramai dan wanita yang memakai pakaian yang tipis sehingga nampak warna kulitnya, yang berlenggang-lenggok dalam berjalan, serta memakai sanggul yang tebal di rambutnya (wig), mereka tidak akan masuk syurga dan tidak akan mencium harumnya syurga, padahal harumnya itu dapat dicitum dari jarak sekian sekian.”*⁷

Nafi’ berkata, *“Ketika Ibnu ‘Umar dan Abdullah bin ‘Amru sedang berada di tempat Zubair bin Abdul Muththallib, tiba-tiba datang seorang perempuan mengheret kambing sambil bersandar pada sebuah busur. Kemudian Abdullah bin ‘Umar bertanya, “Kamu ini lelaki atau perempuan?” Wanita itu menjawab, “Perempuan.” Lalu Ibnu ‘Umar berpaling kepada Ibnu ‘Amru sambil berkata, “Sesungguhnya Allah ta’ala melalui lisan NabiNya, telah melaknat wanita yang menyerupai lelaki dan lelaki yang menyerupai wanita.”*

Di antara perbuatan-perbuatan yang apabila dilakukan oleh wanita, dia akan mendapat kutukan adalah menampakkan perhiasan emas, mutiara atau lain-lainnya dari balik tudung, memakai wangi-wangian jika keluar rumah, memakai pakaian-pakaian yang ketat dan merangsang ketika keluar rumah, dan lain-lain. Semua itu termasuk “tabarruj” yang dibenci oleh Allah, dan Allah membenci orang-orang yang melakukannya di dunia dan di akhirat. Perbuatan-perbuatan ini sering dilakukan oleh kaum wanita. Rasulullah s.a.w. bersabda tentang mereka, *“Aku pernah melihat ke neraka, maka kulihat kebanyakan penghuninya adalah wanita”.*⁸

Baginda juga bersabda, *“Tidaklah kutinggalkan sesudahku suatu fitnah yang lebih membahayakan kaum lelaki dari pada wanita.”*⁰

Semoga Allah menjaga kita dari fitnah mereka, dan semoga pula Allah memperbaiki keadaan mereka, juga keadaan kita dengan kurnia dan kemurahan-Nya.

NOTA KAKI:

1. Sahih. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (5885, 6834), At-Tirmidzi (2784), Abu Dad (4097), Ibn Majah (1904) dan Ath-Thabrani (11647, 11823) dari Ibnu Abbas.
2. Diriwayatkan oleh Abu Daud (4099) dari Aisyah dan disahihka oleh Al-Albani.
3. Diriwayatkan oleh Ahmad (1/225, 227, 254), Al-Bukhari (5886), Abdur Razzaq (20433), At-Tirmizi (2785), Ad-Darimi (5649), Abu Ya’la (2433) dan Ath-Thabrani (11678, 1183, 11847, 11848) dari Ibnu Abbas.
4. Diriwayatkan oleh Ahmad (2/325), Abu Daud (4098), Ibnu Majah (3903), Ibnu Hibban (5751, 5752), Al-Hakim (4/194) dan hadis ini sahih.
5. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (5188), Muslim (1829), At-Tirmidzi (1705) dan Ahmad (2/54, 55) dari Ibnu Umar.
6. Diriwayatkan oleh Al-Hakim (4/291), Ath-Thabrani *Ausath* (427), Abu Nu’aim dalam *Akhbar Ashbah* (2/34), Ibnu Adi (1/38), Ahmad

(5/45). Didhaifkan oleh Asy-Syaikh dalam *Adh-Dha'ifah* (436) dan *Adh-Dha'if* (6110). Manakala lafaz *‘Lan yufiha qaumun tamlikuhum imra’ah’* adalah sahih, diriwayatkan oleh Al-Bukhari (4425) (7099), At-Tirmizi (2262), An-Nas’i (7/227), Ahmad (5/43) dan Ath-Thayalisi (878) dari Abu Bakrah.

7. Sahih. Diriwayatkan oleh Muslim (2128) dan Ahmad (2/356,440) dari Abu Hurairah.

8. Sahih. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (5198) (3241) (6449, 6546) dari Imran, diriwayatkan oleh Muslim (2737) dari Ibnu Abbas dan diriwayatkan oleh Muslim (2738) dari Imran dengan lafaz *“Sesungguhnya penduduk syurga paling sedikit adalah wanita”*.

9. Sahih. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (5096) dan Muslim (2740) dari Usamah bin Zaid.

· *Nota: Saringan oleh www.darulkautsar.net dari buku terjemahan “Al-Kabair (Dosa-dosa Besar)’ karangan Imam Az-Zahabi. Buku terjemahan asal boleh dicapai di sini- <https://drive.google.com/file/d/0B0r1wFGeMOw5eDdpZjM4a2YyRG8/edit>*